



Kementerian Pelajaran Malaysia

KURIKULUM BERSEPADU SEKOLAH RENDAH
HURAIAN SUKATAN PELAJARAN
PENDIDIKAN SIVIK
DAN
KEWARGANEGARAAN
TAHUN 4



Pusat Perkembangan Kurikulum

KANDUNGAN

RUKUN NEGARA	v	HURAIAN SUKATAN PELAJARAN	6
FALSAFAH PENDIDIKAN KEBANGSAAN	vii	TEMA 1 : SAYANGI DIRI	7
KATA PENGANTAR	ix	TEMA 2 : SAYANGI KELUARGA	8
PENDAHULUAN	1	TEMA 3 : HIDUP BERSAMA DI SEKOLAH DAN DALAM MASYARAKAT	9
KANDUNGAN PENDIDIKAN SIVIK DAN KEWARGANEGARAAN SEKOLAH RENDAH	2	TEMA 4 : KENALI BUDAYA MALAYSIA	10
PROJEK KEWARGANEGARAAN	4	TEMA 5 : MALAYSIA NEGARAKU	11
STRATEGI PELAKSANAAN	5	TEMA 6 : SEDIA HADAPI CABARAN	12
PENILAIAN	5	PELAKSANAAN PROJEK KEWARGANEGARAAN	13

RUKUN NEGARA

BAHAWASANYA negara kita Malaysia mendukung cita-cita hendak mencapai perpaduan yang lebih erat di kalangan seluruh masyarakatnya; memelihara satu cara hidup demokratik; mencipta masyarakat yang adil di mana kemakmuran negara akan dapat dinikmati bersama secara adil dan saksama; menjamin satu cara yang liberal terhadap tradisi-tradisi kebudayaannya yang kaya dan berbagai-bagai corak; membina satu masyarakat progresif yang akan menggunakan sains dan teknologi moden.

MAKA KAMI, rakyat Malaysia, berikrar akan menumpukan seluruh tenaga dan usaha kami untuk mencapai cita-cita tersebut berdasarkan atas prinsip-prinsip berikut :

KEPERCAYAAN KEPADA TUHAN

KESETIAAN KEPADA RAJA DAN NEGARA

KELUHURAN PERLEMBAGAAN

KEDAULATAN UNDANG-UNDANG

KESOPANAN DAN KESUSILAAN

FALSAFAH PENDIDIKAN KEBANGSAAN

Pendidikan di Malaysia adalah suatu usaha berterusan ke arah lebih memperkembangkan potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu untuk melahirkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani, berdasarkan kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan. Usaha ini adalah bertujuan untuk melahirkan warganegara Malaysia yang berilmu pengetahuan, berketerampilan, berakhlak mulia, bertanggungjawab dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri serta memberikan sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran keluarga, masyarakat dan negara.

KATA PENGANTAR

Huraian Sukatan Pelajaran ialah dokumen yang memperincikan kandungan Sukatan Pelajaran yang bertujuan untuk memenuhi cita-cita murni dan semangat Falsafah Pendidikan Kebangsaan, dan menyediakan murid menghadapi arus globalisasi serta ekonomi berasaskan pengetahuan pada abad 21.


Dokumen ini menyarankan strategi pengajaran dan pembelajaran yang merangkumi pelbagai aktiviti dan penggunaan sumber. Guru digalakkan menggunakan kreativiti untuk memilih, menyusun dan mengolah aktiviti mengikut kesesuaian murid. Huraian ini diharapkan dapat membantu guru merancang dan melaksanakan pengajaran dan pembelajaran secara berkesan.

Dalam melakukan aktiviti pengajaran dan pembelajaran, guru diharapkan dapat memberi penekanan kepada unsur bernilai tambah iaitu kemahiran berfikir, kemahiran belajar cara belajar, kemahiran teknologi maklumat dan komunikasi, teori kecerdasan pelbagai, pembelajaran masteri, pembelajaran secara konstruktivisme dan pembelajaran akses sendiri. Di samping itu, nilai murni dan semangat patriotik dan kewarganegaraan tetap diutamakan. Semua elemen ini diharapkan dapat memberi keyakinan kepada murid dan diaplikasikan dalam kehidupan harian dan dunia pekerjaan.

Dalam melaksanakan mata pelajaran Pendidikan Sivik dan Kewarganegaraan, guru perlu peka terhadap pembinaan akhlak dan kesedaran murid tentang hak dan tanggungjawab sebagai warganegara dengan mengambil kira aspek pengetahuan sivik, kemahiran sivik dan nilai sivik. Guru juga perlu menekankan aktiviti khidmat masyarakat yang merupakan komponen penting dalam memupuk kesedaran sivik dikalangan murid. Aktiviti pengajaran dan pembelajaran hendaklah dilakukan secara berkesan dengan memberi tumpuan kepada penglibatan murid secara aktif dalam suasana yang kondusif dan menggembirakan.

Dalam usaha menyediakan Huraian Sukatan Pelajaran ini, banyak pihak terlibat terutamanya guru, pensyarah maktab dan universiti serta pegawai Kementerian Pelajaran dan individu yang mewakili badan-badan tertentu.

Kepada semua pihak yang telah memberikan sumbangan kepakaran, masa dan tenaga sehingga terhasilnya Huraian Sukatan Pelajaran ini, Kementerian Pelajaran merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih.



(Dr. SHARIFAH MAIMUNAH BINTI SYED ZIN)

Pengarah
Pusat Perkembangan Kurikulum
Kementerian Pelajaran Malaysia

1.0 PENDAHULUAN

- 1.1 Mata Pelajaran Pendidikan Sivik dan Kewarganegaraan diajar sebagai satu mata pelajaran persekolahan mulai tahun 2005, di sekolah rendah dan menengah. Pada masa dahulu, Pendidikan Sivik bertumpu pada struktur dan jenis kerajaan. Tetapi kini, mata pelajaran ini memberi tumpuan pada keadaan semasa masyarakat serta keperluan masa depannya.
- 1.2 Sivik merujuk kepada hubungan individu dengan masyarakat di sekelilingnya. Manakala kewarganegaraan merujuk kepada hubungan individu dengan negaranya. Guru membantu murid menguasai pengetahuan sivik, kemahiran sivik dan nilai sivik supaya menjadi warganegara yang bertanggungjawab.
- 1.3 Berdasarkan keadaan semasa yang melanda golongan remaja, kurikulum mata pelajaran Pendidikan Sivik dan Kewarganegaraan memberi tumpuan utama pada isu perpaduan, patriotisme dan pemahaman kepelbagaian budaya masyarakat Malaysia. Melalui kurikulum ini diharap dapat melahirkan individu yang bersemangat patriotik, boleh bekerjasama dengan orang lain, mengapresiasi kepelbagaian budaya masyarakat Malaysia, menyelesaikan konflik tanpa menggunakan keganasan, menyayangi alam sekitar dan menyumbang ke arah pembangunan negara.

2.0 KANDUNGAN PENDIDIKAN SIVIK DAN KEWARGANEGARAAN SEKOLAH RENDAH

2.1 Matlamat

Pendidikan Sivik dan Kewarganegaraan bertujuan memberi kesedaran kepada murid tentang peranan, hak dan tanggungjawab mereka dalam masyarakat dan negara untuk melahirkan anggota masyarakat dan warganegara yang bersatu padu, patriotik dan yang boleh menyumbang ke arah kesejahteraan masyarakat, negara dan dunia.

2.2 Objektif

Objektif mata pelajaran ini merangkumi tiga aspek iaitu pengetahuan, kemahiran dan nilai.

2.2.1 Objektif Pengetahuan :

- i. Mengenal pasti tingkah laku yang boleh menyumbang terhadap pembangunan watak yang mulia.
- ii. Menerangkan peranan dan tanggungjawab ke arah pembinaan keluarga yang bahagia.
- iii. Menjelaskan kepentingan hidup bersama secara harmoni.
- iv. Memahami pelbagai agama, tradisi dan budaya masyarakat Malaysia.
- v. Menerangkan sistem kerajaan Malaysia dan sumbangan pemimpin negara.
- vi. Mengenal pasti cabaran dan ancaman dalam masyarakat.

2.2.2 Objektif Kemahiran :

- i. Mengurus diri dengan baik dan bertanggungjawab.
- ii. Mengamalkan kesederhanaan dalam tingkah laku.
- iii. Berinteraksi secara sopan dengan anggota keluarga, rakan dan masyarakat.
- iv. Menangani konflik diri, keluarga dan rakan.
- v. Belajar hidup bersama untuk kesejahteraan diri dan masyarakat.
- vi. Menyertai aktiviti masyarakat untuk kebaikan bersama.
- vii. Membuat keputusan yang bijak dengan mengambil kira kepentingan diri dan orang lain.

2.2.3 Objektif Nilai :

- i. Mempunyai keyakinan terhadap kebolehan diri.
- ii. Menghargai sumbangan ibu bapa dan anggota keluarga.
- iii. Menghormati kaum dan budaya lain.
- iv. Menyayangi alam sekitar.
- v. Menunjukkan semangat kekitaan.
- vi. Menghormati pemimpin dan menghargai jasa mereka.
- vii. Menunjukkan perasaan bangga dan cinta akan negara.

2.3 Tema

Pendidikan Sivik dan Kewarganegaraan memberi penekanan terhadap penguasaan pengetahuan, kemahiran dan nilai sivik supaya murid menjadi warganegara yang bertanggungjawab. Kandungan ini disampaikan menerusi enam tema seperti berikut:

1. Sayangi Diri
2. Sayangi Keluarga
3. Hidup Bersama di Sekolah dan Masyarakat
4. Kenali Budaya Malaysia
5. Malaysia Negaraku
6. Sedia Hadapi Cabaran

Tema-tema ini tidak semestinya diajar secara urutan dan guru boleh menyesuaikan tema ini dengan peristiwa atau isu semasa yang berlaku sama ada dalam sekolah, masyarakat atau di peringkat negara. Misalnya, tema Malaysia Negaraku boleh diajar dalam konteks sambutan Bulan Kemerdekaan agar murid dapat memahami peranan dan tanggungjawabnya sebagai warganegara Malaysia.

3.0 PROJEK KEWARGANEGARAAN

Projek Kewarganegaraan merupakan komponen penting dalam kurikulum Pendidikan Sivik dan Kewarganegaraan sekolah rendah. Aktiviti ini dijalankan di luar waktu sekolah. Murid perlu melakukan kerja amali ini sekurang-kurangnya 10 jam setahun. Projek Kewarganegaraan harus dikait rapat dengan pembelajaran akademik dalam bilik darjah. Projek Kewarganegaraan ini diharap dapat menyediakan murid sebagai warganegara yang prihatin dan bertanggungjawab. Guru harus memastikan murid menjalankan kerja projek ini mengikut tema yang ditetapkan seperti berikut:

Tahun	Tema
4	1. Sayangi Diri 2. Sayangi Keluarga
5	3. Hidup Bersama di Sekolah dan Masyarakat 4. Kenali Budaya Malaysia
6	5. Malaysia Negaraku 6. Sedia Hadapi Cabaran

4.0 STRATEGI PELAKSANAAN

Dalam usaha menjadikan Pendidikan Sivik dan Kewarganegaraan sebagai mata pelajaran menarik dan berkesan, pelbagai strategi pengajaran dan pembelajaran mesti digunakan. Kepelbagaian strategi ini harus memberi penumpuan kepada pengajaran dan pembelajaran yang berpusatkan murid dan berorientasikan aktiviti *hands-on* di dalam dan di luar bilik darjah. Oleh itu, strategi yang dijalankan sewajarnya dapat meningkatkan pengetahuan murid tentang isu sivik, menerapkan pelbagai kemahiran dan memupuk nilai sivik ke arah melahirkan warganegara yang bertanggungjawab, patriotik dan bersatu padu.

5.0 PENILAIAN

Untuk mengukur pembelajaran murid dalam Pendidikan Sivik dan Kewarganegaraan dari segi pengetahuan, kemahiran dan nilai, guru digalakkan menggunakan pelbagai cara penilaian. Antara cadangan bentuk penilaian yang boleh dijalankan ialah pemerhatian, senarai semak tingkah laku, ujian, tugas dan laporan.

6.0 HURAIAN SUKATAN PELAJARAN

- 6.1 Huraian Sukatan Pelajaran ini disediakan untuk membantu guru merancang aktiviti dan menghasilkan bahan pengajaran dan pembelajaran yang sesuai dengan tahap kebolehan murid.

Huraian Sukatan Pelajaran Pendidikan Sivik dan Kewarganegaraan mengandungi tiga lajur, iaitu **Tema dan Tajuk, Hasil Pembelajaran** dan **Cadangan Aktiviti**.

6.1.1 Tema / Tajuk

Lajur ini mengandungi tema, tajuk pengajaran dan huraian tajuk pengajaran. Ini menentukan skop pengajaran bagi sesuatu tema mengikut tahun yang berkenaan.

6.1.2 Hasil Pembelajaran

Hasil Pembelajaran ialah penerangan atau pernyataan tentang pengetahuan, kemahiran dan sikap yang diharap dapat dicapai oleh murid pada setiap tahun. Guru boleh mencerakinkan hasil pembelajaran ini dalam bentuk yang lebih spesifik bersesuaian dengan kandungan tema dan tajuk.

6.1.3 Cadangan Aktiviti

Lajur ini mengandungi aktiviti untuk membantu murid mencapai hasil pembelajaran bagi tema dan tajuk berkenaan. Guru juga boleh menggunakan aktiviti lain asalkan sesuai dengan tajuk pengajaran dan mencapai hasil pembelajaran.

TEMA/TAJUK	HASIL PEMBELAJARAN	CADANGAN AKTIVITI
<p>1. SAYANGI DIRI</p> <p>a. Mengenal diri</p> <ul style="list-style-type: none"> - Kekuatan dan kelemahan - Cara mengukuhkan kekuatan dan memperbaiki kelemahan diri <p>b. Pengurusan diri</p> <ul style="list-style-type: none"> - Kesihatan - Penampilan diri 	<p>i. Menyenaraikan tingkah laku yang boleh menyumbang ke arah pembangunan watak yang mulia</p> <p>ii. Menguruskan diri secara bertanggungjawab</p> <p>iii. Mengamalkan gaya hidup sihat</p> <p>iv. Menunjukkan keyakinan dan keupayaan mengembangkan potensi diri</p> <p>v. Berdisiplin dan mempunyai integriti diri</p>	<p>i. Membuat portfolio tentang diri dan cita-cita</p> <p>ii. Menulis perkara yang digemari dan tidak digemari tentang diri serta berbincang bersama-sama rakan</p> <p>iii. Berbincang dengan rakan tentang:</p> <ul style="list-style-type: none"> - kekuatan diri dan cara mengguna kekuatan untuk kejayaan masa depan - kelemahan diri dan cara mengatasi <p>iv. Membuat simulasi/demonstrasi tentang cara mengurus diri</p>

TEMA/TAJUK	HASIL PEMBELAJARAN	CADANGAN AKTIVITI
<p>2. SAYANGI KELUARGA</p> <p>a. Mengenal keluarga sendiri</p> <ul style="list-style-type: none">- Keluarga asas- Keluarga kembangan	<ul style="list-style-type: none">i. Mengenal pasti latar belakang anggota keluargaii. Berinteraksi secara sopan dengan anggota keluargaiii. Menunjukkan kasih sayang terhadap ibu bapa dan anggota keluargaiv. Menghormati dan menghargai ibu bapa dan anggota keluarga	<ul style="list-style-type: none">i. Menyediakan carta tentang salasilah keluargaii. Membuat catatan harian tentang kehidupan keluarga dan berkongsi dengan rakaniii. Membincangkan kepentingan kesejahteraan keluargaiv. Menghasilkan bahan kreatif seperti puisi/kad ucapan/album keluarga untuk menyatakan perasaan kasih sayang terhadap anggota keluarga

TEMA/TAJUK	HASIL PEMBELAJARAN	CADANGAN AKTIVITI
<p>3. HIDUP BERSAMA DI SEKOLAH DAN MASYARAKAT</p> <p>a. Interaksi dengan komuniti sekolah</p> <p>- Murid dengan rakan, guru, kakitangan sekolah, ahli jawatan kuasa Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG), pekerja kantin dan pelawat sekolah.</p>	<p>i. Menjelaskan kepentingan berinteraksi secara sopan dengan komuniti sekolah</p> <p>ii. Berperanan sebagai warga sekolah yang bertanggungjawab</p> <p>iii. Memberi sumbangan dalam membina sekolah penyayang</p> <p>iv. Menerima dan menghormati perbezaan kebolehan dan pendapat di kalangan komuniti sekolah</p>	<p>i. Membincangkan kepentingan mematuhi peraturan sekolah</p> <p>ii. Menghasilkan peraturan kelas</p> <p>iii. Menulis karangan tentang kepentingan persahabatan</p> <p>iv. Menemu bual guru/pekerja sekolah untuk mendapatkan maklumat tentang tugas dan tanggungjawab mereka</p> <p>v. Melakonkan cara berinteraksi dengan pelawat sekolah</p>

TEMA/TAJUK	HASIL PEMBELAJARAN	CADANGAN AKTIVITI
<p>4. KENALI BUDAYA MALAYSIA</p> <p>a. Kenali dan apresiasi kekayaan pelbagai warisan budaya Malaysia</p> <ul style="list-style-type: none"> - Pakaian - Makanan <p>b. Kenali dan apresiasi adab sosial warisan budaya Malaysia</p> <ul style="list-style-type: none"> - Adab makan - Adab berinteraksi 	<ul style="list-style-type: none"> i. Menjelaskan kepelbagaian warisan budaya Malaysia ii. Menghuraikan adab sosial budaya Malaysia dan kepentingannya iii. Hidup bersama-sama dalam masyarakat berbilang kaum iv. Mengapresiasi warisan budaya sendiri v. Berbangga dengan kekayaan warisan budaya Malaysia vi. Menerima dan menghormati amalan budaya kaum lain 	<ul style="list-style-type: none"> i. Mempamerkan pakaian dan makanan pelbagai budaya di Malaysia ii. Berkongsi resepi makanan tradisional pelbagai kaum iii. Mereka ‘pakaian nasional’ yang menggabungkan ciri-ciri pakaian pelbagai budaya Malaysia iv. Mendemonstrasikan adab makan masyarakat Malaysia v. Menyengarai dan melafazkan kata-kata hormat dalam bahasa ibunda pelbagai kaum

TEMA/TAJUK	HASIL PEMBELAJARAN	CADANGAN AKTIVITI
<p>5. MALAYSIA NEGARAKU</p> <p>a. Kenali Malaysia</p> <ul style="list-style-type: none"> - Lokasi - Negeri-negeri yang membentuk Malaysia - Pusat pentadbiran - Penduduk <p>b. Berbangga dengan identiti negara</p> <ul style="list-style-type: none"> - Rukun Negara - Jalur Gemilang - Lagu Negaraku - Jata Negara - Bahasa kebangsaan - Bunga kebangsaan 	<ul style="list-style-type: none"> i. Menjelaskan kepentingan identiti negara ii. Memberi sumbangan kepada negara iii. Menunjukkan perasaan bangga dan taat setia kepada Malaysia iv. Menghargai dan bersyukur hidup dalam negara yang aman dan makmur 	<ul style="list-style-type: none"> i. Melukis poster bertemakan ‘Hari Kebangsaan’ ii. Menyediakan poster dan brosur tentang keunikan Malaysia iii. Menyediakan laporan secara berkumpulan tentang negeri-negeri di Malaysia daripada aspek: <ul style="list-style-type: none"> - kedudukan geografi - pemimpin negeri - lambang dan identiti negeri - taburan penduduk - tempat tarikan pelancong iv. Mengambil bahagian dalam sambutan hari kebesaran negara di peringkat sekolah

TEMA/TAJUK	HASIL PEMBELAJARAN	CADANGAN AKTIVITI
<p>6. SEDIA HADAPI CABARAN</p> <p>a. Membina budaya cemerlang untuk masa depan</p> <ul style="list-style-type: none"> - Tingkah laku sosial yang baik - Kemahiran belajar - Kreativiti - Daya saing - Kemahiran teknologi 	<ul style="list-style-type: none"> i. Menghuraikan kepentingan disiplin diri untuk mencapai kejayaan ii. Mengamalkan budaya cemerlang untuk kemajuan diri iii. Menghargai budaya cemerlang dalam kehidupan dan berusaha meningkatkannya untuk masa depan 	<ul style="list-style-type: none"> i. Menulis karangan tentang kehidupan masa depan murid ii. Mereka cipta kemudahan pembelajaran untuk masa depan iii. Membuat sketsa tentang tajuk-tajuk berikut: <ul style="list-style-type: none"> - tingkah laku sosial yang sihat - tabiat belajar yang baik - budaya saing yang positif

Pelaksanaan Projek Kewarganegaraan

Projek Kewarganegaraan ialah komponen amali Pendidikan Sivik dan Kewarganegaraan yang memerlukan penglibatan murid secara kumpulan dalam aktiviti sekolah dan komuniti. Penglibatan ini ialah dalam bentuk projek atau kajian yang boleh membantu dan meningkatkan imej diri, sekolah dan komuniti.

Melalui Projek Kewarganegaraan ini, murid dapat mengaplikasikan pengetahuan, kemahiran dan nilai sivik dan kewarganegaraan yang dipelajari dalam bilik darjah. Murid juga dapat merasakan dirinya sebagai sebahagian daripada anggota masyarakat yang bertanggungjawab. Dengan ini murid dapat membina martabat diri yang positif dan berbangga kerana telah memberi sumbangan kepada sekolah dan masyarakat.

Murid dikehendaki menjalankan projek kewarganegaraan di luar waktu persekolahan sekurang-kurangnya 10 jam setahun.

Matlamat

- (1) Mengaplikasi pengetahuan, kemahiran dan nilai sivik dan kewarganegaraan di luar bilik darjah.
- (2) Memberi sumbangan kepada masyarakat dan negara.
- (3) Menjadi warganegara yang patriotik, prihatin dan bertanggungjawab terhadap masyarakat dan negara.

Cadangan Aktiviti

Projek Kewarganegaraan untuk tahun 4 adalah berdasarkan tema **Sayangi Diri** dan **Sayangi Keluarga**. Cadangan aktiviti Projek Kewarganegaraan mengikut tema adalah seperti berikut:

Tahun	Tema	Aktiviti yang dicadangkan
4	<ul style="list-style-type: none"> • Sayangi Diri • Sayangi Keluarga 	<ul style="list-style-type: none"> - Brosur Penjagaan Kesihatan Diri - Brosur Penjagaan Keselamatan Diri - Projek Hari Ibu Bapa - Kempen Budaya Sopan

Murid boleh memilih Projek Kewarganegaraan lain yang difikirkan sesuai dengan tema yang telah ditetapkan di atas.

Strategi Pelaksanaan

Murid perlu membuat persediaan sebelum melaksanakan sesuatu Projek Kewarganegaraan. Panduan yang berikut dapat membantu murid membuat persediaan dan melaksanakan Projek Kewarganegaraan secara terancang dan sistematik.

